



09 OCT, 2024

Kokain RM12.05 juta dalam kontena sejuk beku dirampas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kokain RM12.05 juta dalam kontena sejuk beku dirampas

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan dadah terbesar tahun ini membabitkan rampasan bernilai RM12.05 juta, selepas menyita sebuah kontena sejuk beku di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di Iskandar Puteri pada 1 Oktober lalu.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd Sohaiimi, berkata rampasan 60.2 kilogram (kg) serbuk mampat disyaki kokain itu dilakukan pada jam 11.15 pagi hasil risikan selama sebulan oleh Cawangan Risikan Zon Selatan.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, kontena itu didapati membawa 19 tan udang segar

sejuk beku bernilai RM735,000 yang diikrarkan sebagai barang dagangan.

"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan rapi kita menemukan 62 bungkus plastik mengandungi serbuk mampat berwarna putih disyaki kokain yang disembunyikan di ruang pendingin hawa kontena.

"Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kontena berkenaan berada di pelabuhan itu dalam dua atau tiga hari sebelum operasi sitaan dibuat," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, kontena dari India itu transit di pelabuhan berkenaan sebelum dibawa ke destinasi seterusnya iaitu di Miami,

Amerika Syarikat.

Aminul Izmeer berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan agensi penguat kuasa antarabangsa bagi menyiasat kes berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, modus operandi sindiket penyeludupan dadah berkenaan didapati sama dengan kes rampasan dilakukan pihaknya yang membabitkan 50kg kokain selepas menyita sebuah kontena dari China di pelabuhan sama pada Mei lalu.

"Sindiket itu turut menyembunyikan dadah di ruangan pendingin hawa, namun berdasarkan siasatan awal sindiket berkenaan didapati tidak mempunyai



Aminul Izmeer (tengah) ketika sidang media sindiket penyeludupan dadah di JKDM Menara Kastam Johor Larkin, Johor Bahru, semalam.

(Foto Iskandar Ishak/BH)

kaitan dengan kes terbaru ini," katanya.

Sitaan kontena membawa 60.2 kg dadah disyaki kokain itu tidak

membabitkan sebarang penahanan dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

BERNAMA



09 OCT, 2024

Kokain RM12.05 juta dalam kontena sejuk beku dirampas

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan dadah terbesar tahun ini membabitkan rampasan bernilai RM12.05 juta, selepas menyita sebuah kontena sejuk beku di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di Iskandar Puteri pada 1 Oktober lalu. Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi, berkata rampasan 60.2 kilogram (kg) serbuk mampat disyaki kokain itu dilakukan pada jam 11.15 pagi hasil risikan selama sebulan oleh Cawangan Risikan Zon Selatan.